

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

RHS 511 – Kaedah Penyelidikan Perumahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

- 2 -

1. (a) Bincangkan **Empat (4)** kaedah atau teknik unjuran penduduk. Nyatakan batasan kaedah atau teknik tersebut.
- (b) Bincangkan dengan terperinci kaedah persampelan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi penduduk setingan di Pulau Pinang. Nyatakan andaian yang dibuat.

(25 markah)

2. Kejelasan tentang teori-teori yang berkait dengan proses pemajuan tanah akan memudahkan pemahaman tentang proses yang terlibat dan masalah yang wujud dalam proses tersebut.

Dengan memilih **SATU** daripada pendekatan/model bagi menyelidiki proses pemajuan tanah yang ada, bincangkan secara kritikal pendekatan/model tersebut iaitu dari segi **KEKUATAN** dan **KELEMAHAN** serta **KESESUAIANNYA** dalam menyelidik proses pemajuan tanah di Malaysia.

(25 markah)

3. (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyelidikan?
- (b) Bincangkan peranan Kajian Petunjuk Perumahan dan Kajian Pasaran Perumahan dalam konteks pembangunan mampan.

(25 markah)

4. (a) Bincangkan isu-isu utama dalam pembangunan perumahan bercampur.
- (b) Bagaimanakah model optimisasi seperti Programan Linear itu relevan sebagai alat membantu pemaju (klien) menyelesaikan masalah membuat keputusan pelaksanaan projek perumahan tersebut?

(25 markah)